
◆◆◆◆◆

HUDAN LIN-NAAS

Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora

◆◆◆◆◆

Volume: 2, no 1, Januari-Juni 2021

ISSN: 2580-3409 (Print), 2580-3972 (Online)

<http://ejournal.idia.ac.id/index.php/hudanlinnaas/index>

KAJIAN META- ANALISIS INOVASI PENGAJARAN USUL FIQH DI INDONESIA

***Faisal Bin Husen Ismail¹, Arwansyah Bin Kirin², Che adenan Bin Mohammad³,**

Abd Shakor Bin Borham⁴, Muhammad Masruri⁵

Pusat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum

Jabatan Pengajian Islam

Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia

*faisalhu@uthm.edu.my

Abstrak:

Kajian berkaitan usul fiqh berkembang pesat di seluruh dunia Islam termasuk di Indonesia. Oleh yang demikian ada keperluan untuk menganalisis kajian-kajian sebelumnya untuk mengetahui bentuk dan kecenderungan kajian yang telah dijalankan. Objektif kajian adalah untuk mengetahui corak dan jurang penyelidikan yang telah dilakukan pengkaji sebelumnya. Metode Kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan menganalisis artikel-artikel kajian lepas secara sistematik berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh di Indonesia tahun 2009 hingga 2018. Kajian ini mendapatkan sebahagian besar daripada kajian-kajian yang telah dijalankan memberi fokus kepada keperluan pembaharuan ilmu usul fiqh di Indonesia. Selain itu, hasil kajian juga mendapatkan pendekatan menggunakan metode kualitatif paling kerap digunakan dimana kajian lapangan adalah metode yang paling disukai. Temuan daripada kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pengkajian berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh di Indonesia. Kajian ini juga mencadangkan kajian lebih jauh berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh.

Kata Kunci: Inovasi, pengajaran usul fiqh, pengetahuan ilmu usul fiqh, Indonesia, meta-analisis.

Abstract:

Studies related jurisprudence growing rapidly around the Muslim world, including Indonesia. Hence there is need to analyze previous studies on innovation teaching jurisprudence that has been undertaken to identified pattern and disposition of the research conducted. The objective of this study was to determine the pattern and research gaps exist in the field that have been done earlier researchers. Qualitative methods were used in this study. The study systematically analysed articles related innovation in teaching jurisprudence in Indonesia from 2009 to 2018. The findings from the analysis show most of the studies that have been conducted focusing on the need to reform of jurisprudence in Indonesia. Therefore, analysis showed that the approach using qualitative methods most often used where the field study is the most preferred method. The findings of this study can be used as a reference to the study of jurisprudence related to teaching innovation in Indonesia. This article provides suggestions for further research related to innovation in teaching jurisprudence.

Keyword: Innovation, teaching jurisprudence, knowledge of jurisprudence, Indonesia, Meta-Analysis.

Pendahuluan

Kefahaman teks-teks sumber undang-undang Islam telah dapat difahami dengan lebih mudah melalui kewujudan ilmu usul fiqh. Melalui ilmu usul fiqh penentuan hukum menjadi lebih tepat. Disamping itu penghujahan usul fiqh merujuk kepada al-Quran dan Sunnah sebagai sumber utama undang-undang Islam. Umat Islam berhutang budi kepada para ulama silam seperti imam Syafi'i yang dianggap sebagai pengasas ilmu usul fiqh¹. Proses ijтиhad yang telah mereka lakukan mengakibatkan pencapaian Islam dari sudut pengaruh ilmu Islam dapat diaplikasikan dalam semua urusan kehidupan seperti ibadah, ekonomi, muamalah bahkan mencakup urusan pentadbiran negara². Walau bagaimanapun, doktrin klasik yang telah menutup pintu proses ijтиhad mengakibatkan kefahaman ke atas ilmu usul fiqh sebagai ilmu klasik yang sukar untuk dipelajari serta sukar untuk diajarkan. Celakanya lagi, ilmu usul fiqh dianggap sebagai khazanah ilmu Islam yang terpisahkan daripada ilmu fekah yang

¹ Abdul Karim, M. A. (2013). Pola Pemikiran Imam Syafi'i dalam Menetapkan Hukum Islam. *Jurnal Adabiyah* Vol. XIII nomor, 187.

² Qutb, S. M. (1992). *Petunjuk Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.

umumnya banyak diajarkan dengan pelbagai usaha untuk mempelbagaikan inovasi dalam pengajarannya. Namun, jika diselidik lebih jauh, keperluan kepada inovasi pembelajaran dan pengajaran ilmu usul fiqh lebih memerlukan perhatian daripada pendidik dalam usaha memartabat kembali asas penting pengamalan ilmu usul fiqh pada zaman kekinian.

Ulama dan Guru memainkan peranan utama dan strategik dalam mewujudkan kejayaan kepada kefahaman ilmu usul fiqh dan seterusnya membawa kepada menyumbang pengajaran berkualiti pembelajaran murid³ serta dapat menyebarkan maksud agama Islam sebagai *rahmatan lil `alamin*⁴. Pengajaran berkualiti memainkan peranan penting bagi mempengaruhi pencapaian murid sebagaimana kajian-kajian yang telah dilakukan⁵. Menurut Baumert et al. (2010) pengetahuan guru dan amalan dalam kelas turut menjadi faktor kepada tahap pencapaian kefahaman murid⁶. Begitu juga jenis latihan guru dan pengalaman turut mempengaruhi faktor kejayaan murid⁷.

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) sangat mempengaruhi penguasaan pengetahuan serta pemahaman bagi membolehkan murid mengaplikasikan konsep, prinsip dan proses pengaplikasian⁸ usul fiqh yang dipelajari.

³ Kunter, M., Klusmann, U., Baumert, J., Richter, D., Voss, T., & Hachfeld, A. (2013). Professional competence of teachers: Effects on instructional quality and student development. *Journal of Educational Psychology*, 105(3), 805.

⁴ Ilyas, H. H., & Ag, M. (2018). *Fikih Akbar: Prinsip-Prinsip Teologis Islam Rahmatan Lil 'Alamin*: Pustaka Alvabet.

⁵ Fung, D., Kutnick, P., Mok, I., Leung, F., Lee, B. P.-Y., Mai, Y. Y., & Tyler, M. T. (2017). Relationships between teachers' background, their subject knowledge and pedagogic efficacy, and pupil achievement in primary school mathematics in Hong Kong: An indicative study. *International Journal of Educational Research*, 81, 119-130; Luetz, J. M., Margus, R., & Prickett, B. (2019). Human Behavior Change for Sustainable Development: Perspectives Informed by Psychology and Neuroscience. In W. Leal Filho, A. M. Azul, L. Brandli, P. G. Özuyar, & T. Wall (Eds.), Quality Education (pp. 1-16).

⁶ Baumert, J., Kunter, M., Blum, W., Brunner, M., Voss, T., Jordan, A., . . . Tsai, Y.-M. (2010). Teachers' mathematical knowledge, cognitive activation in the classroom, and student progress. *American educational research journal*, 47(1), 133-180.

⁷ Johari, K., Ismail, Z., Osman, S., & Othman, A. T. (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah (The Influence of Teacher Training and Teaching Experience on Secondary School Teacher Efficacy). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 34(2), 3-14.

⁸ Suartama, I. K. (2010). Pengembangan multimedia untuk meningkatkan kualitas pembelajaran pada mata kuliah media pembelajaran. *Jurnal Pendidikan dan Pengajaran*, 43(3).

Keberkesanan ke atas pembelajaran juga memerlukan kepada guru yang mengetahui “*more and difference*” daripada ilmu yang diajarkan seperti pengetahuan bagi menganalisis kesilapan, menerima strategi analisis alternative yang sah serta pemahaman konsep⁹ *istinbath*.

Secara konsepnya ilmu yang diajarkan amat berkaitan rapat dengan pengetahuan seorang pengajar berkaitan pedagogikal kandungan ilmu yang diajarkan. Menurut Segall (2004)¹⁰ sebagaimana yang dikutip daripada Gudmundsdottir and Shulman (1987)¹¹ yang memperkenalkan “*a missing paradigm*”. Beliau mengkritik kurangnya perhatian yang diberikan terhadap kandungan pelajaran berkaitan latihan mengajar dan penilaian terhadap guru serta kajian berkaitan keberkesanan pengajaran dan latihan mengajar. Berkaitan dengan usul fiqh, konsep pengetahuan dan pedagogikal ke atas ilmu usul fiqh untuk pengajaran bagi menjelaskan pengetahuan yang perlu dikuasai oleh seorang guru perlulah diberi tumpuan oleh para pengkaji.¹² Namun demikian, dalam konteks kajian berkaitan pengamalan ilmu usul fiqh di Indonesia, ianya adalah kurang jelas. Justeru terdapat keperluan untuk menganalisis kajian-kajian terdahulu berkaitan pengajaran guru yang telah dijalankan di Indonesia bagi mengenalpasti corak dan jurang kajian yang wujud.

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian berikut:

⁹ Kilpatrick, J., Swafford, J., & Findel, G. (2001). Teaching for mathematical proficiency. Adding it up: Helping children learn mathematics, 313-368.

¹⁰ Segall, A. (2004). Revisiting pedagogical content knowledge: the pedagogy of content/the content of pedagogy. *Teaching and teacher education*, 20(5), 489-504.

¹¹ Gudmundsdottir, S., & Shulman, L. (1987). Pedagogical content knowledge in social studies. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 31(2), 59-70.

¹² Dahlan, M. (2012). Paradigma usul fikih multikultural di Indonesia. *Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*, 12(1), 1-19; Depaepe, M. (2012). *Between educationalization and appropriation: Selected writings on the history of modern educational systems*: Leuven University Press; Nugroho, A. (2005). Fikih Kiri: Revitalisasi Usul al-Fiqh untuk Revolusi Sosial. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 43(2), 425-454; Salamah, U. (2017). Teori Pengetahuan Hukum Dalam Ushul Fikih (Kajian Teori Hukum Alam). *QISTIE*, 10(2).

- (1) Apakah ciri-ciri tema kajian berkaitan pengajaran usul fiqh yang telah dijalankan di Indonesia
- (2) Apakah kaedah (model pengajaran yang telah digunakan untuk mengajarakan ilmu usul fiqh oleh guru-guru usul fiqh di Indonesia?
- (3) Apakah berlaku inovasi dalam pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia?

Metodologi Penelitian

Meta-analisis merupakan reka bentuk kajian ini. Kajian berkaitan inovasi pengajaran Ilmu usul fiqh di Indonesia telah dikaji secara sistematik. Pengenalan ringkas mengenai kajian meta-analisis ialah analisis ke atas analisis yang lain yang melibatkan penggabungan hasil kajian sejenis dengan mengambil kira untuk mendapati kesan yang utama¹³. Bagi membahagikan pemilihan artikel yang sejenis untuk dianalisis, kajian ini menggunakan panduan yang dikemukakan Webster and Watson (2002)¹⁴. Bagi mendapatkan data kajian, beberapa pengkalan data telah digunakan untuk mencari artikel berkaitan yang dilanggan oleh perpustakaan university misalnya *EBSCOHost*, *Science Direct*, *Proquest*, dan *Sage*. Enjine kajian Google Search, Yahoo Search serta Google Scholar turut juga digunakan bagi memastikan carian yang lebih meluas dapat dilakukan. Artikel berkaitan pengajaran usul fiqh yang diterbitkan sekitar tahun 2009 hingga 2018 telah dimuat turun untuk dianalisis. Pengajaran usul fiqh, inovasi pengajaran usul fiqh, Pemakaian ilmu usul fiqh, pengetahuan ilmu usul fiqh, content usul fiqh, contemporary ushul fiqh learning telah digunakan sebagai kata kunci yang digunakan untuk mencari artikel yang selari dengan kajian. Antara kriteria pemilihan artikel untuk dianalisa ialah: (i) kajian dalam bidang ilmu usul fiqh yang menggunakan kerangka teori mengenai pengajaran ilmu

¹³ Zimmerman, R. D., Murillo-Sánchez, C. E., & Thomas, R. J. (2010). MATPOWER: Steady-state operations, planning, and analysis tools for power systems research and education. *IEEE Transactions on power systems*, 26(1), 12-19.

¹⁴ Webster, J., & Watson, R. T. (2002). *Analyzing the past to prepare for the future: Writing a literature review*. MIS quarterly, xiii-xxiii.

usul fiqh; (ii) data kajian dikumpul dalam kalangan pengajar usul fiqh di Indonesia, akhirnya sebanyak 10 artikel kajian inovasi pengajaran ilmu usul fiqh dikenal pasti memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Jadual 1 menunjukkan senarai artikel berkaitan kajian yang dijalankan berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh di Indonesia. Artikel-artikel tersebut telah dianalisis secara sistematis bagi menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan.

Jadual 1

Senarai artikel kajian berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh di Indonesia

<i>Pengkaji (Tahun)</i>	<i>Jenis</i>	<i>Jurnal/Prosiding</i>		
		<i>Sampel</i>		
Roudhlotul (2015)	Jannah <i>Umum</i>	Prosiding pendidikan	Seminar	Nasional
Nirwan Syafrin (2008)	<i>Umum</i>	Jurnal <i>Tsaqafah</i>		
Sapiudin, Abuddin Nata, & Usman Syihab (2016)	<i>Universiti</i>	Ta`dibuna: Jurnal Pendidikan Islam		
Rusli (2011)	<i>Umum</i>	Ulul Albab		
Sapiudin (2014)	<i>Universiti</i>	Ahkam		
Abdul Mukti Thabranı (2011)	<i>Umum</i>	Al-Ihkam		
Ahmad Ghozali Ihsan (2018)	<i>Umum</i>	Al-Ahkam: Jurnal Ilmu Syari'ah Dan Hukum		
M. Zainal Anwar (2016)	<i>Universiti</i>	Empirisma		
Sugeng Aminudin (2016)	<i>Umum</i>	Misykat		
Nispul Khoiri (2017)	<i>Umum</i>	IJLRES - International Journal on Language, Research and Education studies		

Hasil dan Pembahasan

Dapatkan kajian ini dibahagikan kepada tiga Bahagian utama yang akan membincangkan ciri-ciri tema kajian berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh yang telah dilakukan di Indonesia. Bahagian ini akan memfokuskan; (i) tema kajian berkaitan keperluan konstruk pembaharuan usul fiqh, (ii) komponen inovasi usul fiqh, (iii) topik usul fiqh yang telah dikaji. Bahagian kedua pula akan membincangkan kaedah yang telah digunakan untuk menjalankan kajian yang telah dilakukan terhadap inovasi pembelajaran usul fiqh di Indonesia. Bahagian ini akan memfokuskan kepada: (i) jenis dan reka bentuk kajian (metode), (ii) profile sampel kajian dan (iii) instrument yang telah digunakan untuk mengumpul data. Akhir sekali, akan dibincangkan daptatan utama daripada kajian berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh di Indonesia.

RQ 1: Apakah ciri-ciri tema kajian inovasi pengajaran usul fiqh yang telah dijalankan di Indonesia?

Tema kajian. Berdasarkan analisis kritikal yang telah dijalankan ke atas objektif dan persoalan kajian yang dikemukakan, didapati terdapat 3 tema kajian utama, iaitu (a) mengenal pasti metode pengajaran usul fiqh, (b) menguji tahap keperluan kontruks ilmu usul fiqh, (c) pemetaan ke atas inovasi ilmu usul fiqh di Indonesia. Jadual 2 menunjukkan kepada tema-tema yang dikenal pasti daripada kajian lepas.

Jadual 2

Tema-tema kajian lepas berkaitan metod pengajaran usul fiqh di Indonesia

Tema Kajian	f	Kajian (Tahun)
Mengenal pasti model pengajaran usul fiqh	3	Sapiudin, Abuddin Nata, & Usman Syihab (2016); <i>Rusli</i> (2011); Sapiudin (2014)
Menguji tahap keperluan kontruks ilmu usul fiqh	5	Nirwan Syafrin (2008); * <i>Rusli</i> (2011); *Sapiudin (2014); Ahmad Ghazali Ihsan (2018)
Pemetaan ke atas inovasi ilmu usul fiqh di Indonesia	1	Nispul Khoiri (2017)

*kajian oleh Sapiuddin (2014) dan Rusli (2011) didapati mempunyai dua tema

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati kebanyakan kajian berkaitan inovasi pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia adalah tergolong di bawah tema menguji tahap keperluan konstruk ilmu usul fiqh di Indonesia. Terdapat lima kajian yang yang telah dijalankan di bawah tema berkenaan. Selain itu, terdapat tiga kajian yang tergolong di bawah tema pengajaran usul fiqh. Di antara tema pengajaran usul fiqh adalah pengajaran secara konvensional/tradisional¹⁵. Antara ciri-ciri pengajaran usul fiqh secara tradisional mempunyai dua ciri-ciri utama iaitu ceramah dan hafazan.¹⁶

Kontruk ilmu Usul Fiqh. Penganalisaan keperluan konstruk ilmu usul fiqh yang dikaji, didapati terdapat 4 konstruk yang telah difokuskan oleh pengkaji dahulu. Antaranya adalah suasana pembelajaran yang tidak dikaitkan dengan konteks sosial moden, keperluan kepada inovatif pembelajaran, peningkatan kualiti pelajar dan perubahan sikap pelajar, perubahan cara pengajaran ilmu usul fiqh, minat yang lemah

¹⁵ Ihsan, A. G. (2018). Pengembangan Ilmu Ushul Al Fiqh. *Al-Ahkam: Jurnal Ilmu Syari'ah dan Hukum*, 2(2), 105-121.

¹⁶ Sapiudin, S. (2014). Pembelajaran ushul Fikih Berbasis Masalah. *AHKAM: Jurnal Ilmu Syariah*, 14(2); Sapiudin, S., Nata, A., & Syihab, U. (2016). Model Pembelajaran Ilmu Ushul Fiqh di Jurusan Pendidikan Agama Islam (Analisis Penerapan Model Pembelajaran Konvensional dan Pembelajaran Berbasis Masalah). *TA'DIBUNA*, 5(1), 60-83.

dikalangan pelajar ilmu usul fiqh, tuntutan penguasaan ilmu usul fiqh oleh guru, perkaitan diantara ilmu usul fiqh dengan berfikir kreatif, menjalankan tujuan pendidikan kebangsaan Indonesia. Jadual 3 menunjukkan jenis-jenis konstruk ilmu usul fiqh yang telah dikaji.

Jadual 3
Kontruks Ilmu Usul Fiqh Yang Dikaji

Tema kajian	f	Kajian (Tahun)			
Implikasi tidak inovatif	2	*Roudhlotul Jannah (2015); Aminudin (2016)			Sugeng
Keperluan kepada inovatif	5	*Roudhlotul Jannah (2015); **Sapiudin, Abuddin Nata, & Usman Syihab (2016); ***Abdul Mukti Thabranji (2011); ****Ahmad Ghazali Ihsan (2018); Nispul Khoiri (2017)			
Pengetahuan kepada tujuan ilmu usul fiqh	3	Nirwan Syafrin (2008); **Sapiudin, Abuddin Nata, & Usman Syihab (2016); Sapiudin (2014)			
Kaitan inovatif dengan berfikir kreatif (logik)	3	*Roudhlotul Jannah (2015); ***Abdul Mukti Thabranji (2011); ****Ahmad Ghazali Ihsan (2018)			

* Kajian oleh Roudhlotul Jannah (2015), ** Kajian oleh Sapiudin, Abuddin Nata, & Usman Syihab (2016), *** Kajian oleh Abdul Mukti Thabranji (2011) dan **** Kajian oleh Ahmad Ghazali Ihsan (2018) didapati masing-masing mempunyai dua tema.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati kebanyakan kajian memberikan fokus kepada keperluan inovatif pengajaran ilmu usul fiqh. Terdapat lima kajian yang telah dijalankan berkaitan inovasi pengajaran ilmu usul fiqh, manakala sebanyak dua kajian memfokuskan kepada implikasi inovatif pengajaran ilmu usul

fiqh. Masing-masing terdapat tiga kajian yang memfokuskan kepada tujuan pengajaran ilmu usul fiqh dan kaitan inovatif dengan berfikir kreatif (logik). Dapatkan ini menggambarkan terdapat jurang yang lebar di dalam kajian berkaitan konstruk pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia.

Topik komponen inovasi usul fiqh. Setelah menganalisis topik komponen pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia, didapati terdapat 3 topik utama yang telah dikaji. Antaranya topik cara penilaian, metode pembelajaran ilmu usul fiqh, kurikulum pembelajaran. Jadual 4 menunjukkan topik komponen inovasi ilmu usul fiqh yang sering dikaji pengkaji terdahulu.

Jadual 4

Topik komponen inovasi pengajaran ilmu usul fiqh yang dikaji

Tema kajian	f	Kajian (Tahun)
Cara penilaian (evaluasi)	5	Sapiudin, Abuddin Nata, & Usman Syihab (2016); M. Zainal Anwar (2016).
Kurikulum pembelajaran	1	Sugeng Aminudin (2016)
Metode pembelajaran (inovasi)	2	Roudhlotul Jannah (2015); Sapiudin, Abuddin Nata, & Usman Syihab (2016)

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati terdapat 5 kajian sahaja yang mengkaji komponen inovasi berkaitan pembelajaran ilmu usul fiqh sepanjang tahun 2009 hingga 2018 di Indonesia. Kebanyakan kajian adalah memfokuskan kepada topik metode pembelajaran. Dapatkan topik komponen inovasi meliputi cara penilaian, metode pembelajaran, faktor boleh ubah seperti pengenalan atas ilmu usul fiqh kepada pelajar yang bukan dari madrasah pondok, membangun rujukan yang mudah dicapai diperpustakaan dan guru, sifat dorongan keinginan belajar pelajar, mahasiswa digital mudahkan dengan infografis yang singkat dan padat untuk

menjelaskan hukum Islam mahupun tokoh-tokoh mazhab dan sebagainya¹⁷. Manakala komponen evaluasi ke atas hasil pembelajaran ilmu usul fiqh dijalankan secara komprehensif termasuk tes psikometrik (skill) kemampuan individu pelajar dalam mengamalkan kaedah usul fiqh (tidak mencukupi dengan lisan dan tulisan) tapi juga pada sikap dan amaliah pelajar¹⁸. Ini memberikan gambaran bahawa kajian berkaitan komponen pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia seperti metode, cara penilaian, kebolehpakai ilmu usul fiqh dalam kehidupan dan lain-lain adalah kurang diberikan tumpuan oleh pengkaji terdahulu.

RQ 2: Apakah kaedah penyeleidikan yang telah digunakan untuk menjalankan kajian berkaitan inovasi pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia?

Pendekatan dan reka bentuk kajian. Setelah menganalisis kajian berkaitan inovasi pengajaran ilmu usul fiqh yang telah dijalankan di Indonesia, didapati ianya menggunakan pendekatan utama iaitu kualitatif. Manakala dalam konteks reka bentuk kajian pula, didapati ianya terdiri daripada kajian dalam bentuk kajian korelasi, kajian tinjauan. Jadual 5 menunjukkan pendekatan dan reka bentuk kajian yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh di Indonesia.

Jadual 5

Pendekatan dan reka bentuk kajian yang digunakan

Pendekatan	Reka bentuk	f	Kajian (Tahun)
Kualitatif	Kajian kes	2	Roudhlotul Jannah (2015); M. Zainal Anwar (2016).
	Kajian lapangan	4	Sapiudin, Abuddin Nata, & Usman Syihab (2016); Ahmad Ghozali Ihsan

¹⁷ Sapiudin, S., Nata, A., & Syihab, U. (2016). Model Pembelajaran Ilmu Ushûl Fiqh di Jurusan Pendidikan Agama Islam (Analisis Penerapan Model Pembelajaran Konvensional dan Pembelajaran Berbasis Masalah). *Ta'dibuna*, 5(1), 60-83.

¹⁸ Anwar, M. Z. (2016). Pengkajian Ushul Fiqh Bagi Pemula di PTKI: Tantangan, Refleksi dan Evaluasi. *Empirisma: Jurnal Pemikiran Dan Kebudayaan Islam*, 25(2).

			(2018); Nispul Khoiri (2017); Sugeng Aminudin (2016).
	Kajian konseptual	1	Sapiudin (2014).
Kuantitatif	Eksperimental	1	Rusli (2011).
	Deskriptif	2	Nirwan Syafrin (2008); Abdul Mukti Thabranji (2011).

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati kekerapan kajian menggunakan metode kualitatif dan kuantitatif adalah hamper seimbang. Kebanyakan pengkaji terdahulu telah menggunakan reka bentuk kajian lapangan dalam kajian berkaitan inovasi pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia.

Profil sampel kajian. Setelah menganalisis profil sampel kajian yang dilakukan pengkaji dahulu berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh di Indonesia, didapati terdapat dua kategori sampel kajian iaitu para pengajar. Sampel tersebut terdiri daripada pengajar di universiti. Jadual 6 menunjukkan maklumat berkaitan profil sampel kajian terdahulu berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh di Indonesia.

Jadual 6

Profil sampel kajian yang digunakan

Profil Sampel	Jenis	f	Kajian (Tahun)
Pensyarah	Universiti	6	Roudhlotul Jannah (2015); Sapiudin, Abuddin Nata, & Usman Syihab (2016); Sapiudin (2014); Ahmad Ghozali Ihsan (2018); M. Zainal Anwar (2016); Sugeng Aminudin (2016).
Guru	Sekolah Menengah	1	Rusli (2011).
Organisasi	Nahdhatul Ulama, Muhammadiyah dan	1	Nispul Khoiri (2017).

Majelis Ulama
Indonesia (NGO
Islam)

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati kebanyakan kajian terdahulu berkaitan inovasi pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia telah dijalankan dalam kalangan pengajar di peringkat universiti. Profil sampel di atas menjelaskan sebanyak 6 kajian berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh di universiti dan masing-masing satu kajian di sekolah menengah dan organisasi bukan kerajaan yang menjadikan usul fiqh juga sebagai salah satu metode dalam mengambil sesuatu masalah berkaitan undang-undang dalam agama Islam. Keadaan ini menunjukkan jurang ketara bagi kajian berkaitan inovasi pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia dimana institusi pendidikan yang wujud di Indonesia ada pelbagai seperti sekolah-sekolah pondok, madrasah-madrasah yang mengajarkan ilmu usul fiqh sebagai subjek yang wajib dipelajari.

Kaedah pengumpulan data. Pengkaji terdahulu telah menggunakan metode pengumpulan data selain daripada reka bentuk dan profil sampel kajiannya. Berdasarkan hasil analisis yang telah dilakukan, didapati terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan pengkaji terdahulu. Antara kaedah yang digunakan adalah ujian, pemerhatian, analisis dokumen. Jadual 7 menunjukkan dapanan kajian terdahulu dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu.

Jadual 7

Kaedah pengumpulan data yang digunakan

Kaedah	f	Kajian (Tahun)
Pemerhatian	7	Roudhlotul Jannah (2015); Sapiudin, Abuddin Nata, & Usman Syihab (2016); Rusli (2011); Sapiudin (2014); Abdul Mukti Thabrani (2011); M. Zainal Anwar (2016); Nispul Khoiri (2017).

Analisis dokumen 3 Nirwan Syafrin (2008); Ahmad Ghozali Ihsan (2018); Sugeng Aminudin (2016)

Berdasarkan kepada jadual di atas, kaedah pengumpulan data yang telah dianalisis mendapati kebanyakan kajian terdahulu yang mengkaji inovasi pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia telah menggunakan lebih dari satu kaedah. Kaedah pemerhatian sering digunakan oleh pengkaji terdahulu sebagai metode untuk memperoleh data daripada peserta kajian. Kaedah ini adalah selari dengan dapatan analisis reka bentuk kajian yang telah digunakan iaitu reka bentuk kajian kualitatif kajian kes. Justeru pemerhatian adalah kaedah yang sesuai untuk mengumpul data bagi reka bentuk kajian tersebut.

RQ 3: Apakah dapatan utama daripada kajian berkaitan inovasi pengajaran usul fiqh di Indonesia?

Dapatan utama kajian inovasi pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan adalah sebagaimana dipaparkan dalam jadual 8.

Jadual 8

Dapatan kajian berkaitan inovasi pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia.

Nama Pengkaji dan Tahun	Objektif Kajian	Dapatan Kajian
Ahmad Ghozali Ihsan (2018)	Untuk mengkaji hubungan diantara inovatif dengan pengajaran usul fiqh.	Pengajaran inovatif menyumbang kepada pelajar aktif dan berfikir kreatif. Sebaliknya kualiti pelajar usul fiqh rendah apabila pengajar tidak kreatif dan inovatif dalam pengajaran.

Nispul Khoiri (2017)	Untuk mengkaji sikap ke atas mahasiswa serta mengenalpasti halangan kepada pembaharuan inovasi pengajaran usul fiqh.	Rendahnya minat mempelajari ilmu usul fiqh dikalangan mahasiswa. Politik yang memberi peluang pengembangan usul fiqh, Penambahbaikan kelas usul fiqh (intelektual, pelajar dan profesional), semanagat pembentukan masyarakat sivil serta pengembangan teori hukum dikenalpasti sebagai cara mengembangkan ilmu usul fiqh.		
M. Zainal Anwar (2016)	Untuk mengemukakan satu model pembelajaran dan seterusnya mencadangkan model bagi pembelajaran inovatif.	Pelajar dididik menggunakan cara dialog seperti perbincangan mengenai hukum "bom bunuh diri" "merokok" "pornografi" menggunakan ilmu usul fiqh. Murid-murid didapati semakin menghargai perbezaan serta melakukan aktifiti yang kooperatif berbanding aktiviti kompetitif.	Untuk mengenalpasti kaedah pengajaran kepada mahasiswa yang tidak mempunyai latar belakang ilmu usul fiqh di peringkat universiti.	Pendidik didapati tidak memberi pengenalan terlebih dahulu berkaitan usul fiqh

		<p>kepada mahasiswa yang bukan berasal dari madarashah maupun pondok. Begitu juga motivasi dan rangsangan untuk mempelajari ilmu usul fiqh amat kurang diberikan. Penggunaan bahan bantu mengajar di era digital juga kurang dimanfaatkan oleh pengajar.</p>
Sugeng Aminudin (2016)	Untuk menyiasat tahap penguasaan pendidik ilmu usul fiqh.	Kajian mendapati kurangnya penguasaan dan penggunaan kemudahan ict dikalangan pendidik.
	Untuk mengenalpasti samaada kurikulum yang digunakan menepati sasaran di Indonesia.	Kajian juga mendapati penggunaan kurikulum yang kurang inovatif turut mengakibatkan rendahnya minat pelajar.
Sapiudin, Abuddin Nata, & Usman Syihab (2016)	Untuk meneroka keperluan pembelajaran inovatif ilmu usul fiqh.	Kajian juga mendapati kurikulum yang ada tidak emnepati sepenuhnya kehendak pendidikan diperingkat kebangsaan. Kajian mendapati pengajaran ilmu usul fiqh berorientasikan teacher center.

	Untuk mengkaji perkaitan pembangunan ilmu usul fiqh dengan logik berfikir.	Penkaji menghendaki wujudnya tindakan pembaharuan di madrasah dan universiti memperbetulkan sikap ke atas pembelajaran ilmu usul fiqh.
	Untuk mengenalpasti kaedah membangun ilmu usul fiqh di Indonesia.	Selain itu, kajian mendapati pembelajaran secara tradisional tidak mengaitkan dengan konteks keadaan semasa.
		Kajian mendapati kaitan rapat diantara ilmu usul fiqh dengan metode berfikir logik yang diiktiraf agama.
Roudhlotul Jannah (2015)	Untuk mengkaji penyediaan pedagogi ilmu usul fiqh di universiti.	Kajian mencadangkan contoh kaedah bagi membangun ilmu usul fiqh di Indonesia.
		Kajian mencadangkan beberapa jenis pedagogi persediaan mengajar kepada pelajar.
		Pengkaji menghendaki wujudnya usaha berterusan

		daripada guru untuk meningkatkan kemampuan penguasaan ilmu usul fiqh melalui cara “solve problem” semasa.
Sapiudin (2014)	Untuk meneroka keperluan pengajaran inovatif usul fiqh.	Kajian mendapati pengetahuan pelajar akan terhad terhadap kefahaman penggunaan ilmu usul fiqh apabila guru tidak inovatif. Kajian juga mendapati Untuk memberikan input kepada pengajar cara guru mengajar di kelas.
		kurangnya usaha daripada pihak pendidik yang memfokuskan kepada usaha pengembangan kreatifiti pengamalan ilmu usul fiqh dalam kehidupan pelajar. Kajian mencadangkan empat langkah-langkah kepada pengajar untuk digunakan dalam proses Pnp di kelas iaitu a. diskusi ilmiah rasional, b. tanya jawab, c. metode refitasi (<i>trial and error</i>) dan d. penugasan (resitasi).
Abdul Mukti Thabranı (2011)	Untuk menjelaskan faktor-faktor pemboleh ubah kepada	Kajian mendapati wujudnya perkaitan diantara inovatif dengan kejayaan

	pembelajaran inovatif dengan berfikir logik (usul fiqh)	mempengaruhi pelajar aktif dan kreatif.
Rusli (2011)	Untuk mengkaji kefahaman pelajar terhadap penggunaan ilmu usul fiqh	Kajian mendapati lemahnya kefahaman pelajar terhadap penggunaan ilmu usul fiqh. Kajian juga mendapati pelajar kurang keakaran dalam menghubungkan teori ilmu usul fiqh ke atas permasalahan semasa.
	Untuk melihat konten yang diajarkan dalam ilmu usul fiqh	Kajian mencadangkan untuk meningkatkan minat belajar dan berfikir kritis.
Nirwan Syafrin (2008)	Untuk mengetahui sejauhmana perkaitan diantara ilmu usul fiqh dengan tujuan pendidikan naisional dan	Kajian mendapati keperluan pengayaan konten (isi) pengajaran ilmu usul fiqh bukan hanya melalui ceramah-kognitif dan pendekatan deduktif-dimana pelajar lebih banyak mendengar dan mencatat bukan menganalisa. Kajian mendapati pengajaran ilmu usul fiqh selari dengan tujuan pendidikan nasional serta mempunyai kaitan yang rapat dengan ilmu lain

ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengannya.	misalnya teologi dan filsafat, ilmu mantiq maupun ilmu kalam.
--	---

Berdasarkan penganalisaan yang dilakukan ke atas dapatan utama kajian inovasi pengajaran usul fiqh di Indonesia, didapati ianya boleh dibahagi kepada beberapa tema. Pertama; bagi tema inovasi pengajaran ilmu usul fiqh, didapati lemahnya inovasi pengajaran ilmu usul fiqh dimana model pengajaran banyak dijalankan secara tradisional serta bertumpu kepada guru (Aminudin, 2018)¹⁹. Begitu juga tema berkaitan tahap kefahaman pelajar ke atas penggunaan ilmu usul fiqh, didapati kefahaman pelajar adalah pada tahap sederhana dan rendah (Ihsan, 2018; Rusli, 2013)²⁰. Natijah kelemahan pelajar turut dipengaruhi oleh faktor lemahnya inovasi pengajaran. Perkara ini selari sebagaimana kajian yang dilakukan Thabranji (2013)²¹. Kedua, bagi tema kesan pengajaran inovatif dalam pengajaran usul fiqh dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah lain, didapati terdapat hubungan signifikan diantara pengajaran inovatif kepada pelajar berfikir aktif dan kreatif²² dan konten pengajaran²³ dan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas, pembangunan kreatifiti pengajaran²⁴, dan penyediaan pedagogi pengajaran usul fiqh²⁵. Ketiga, bagi

¹⁹ Aminudin, S. (2018). Standarisasi Kurikulum Ushul Fiqh. MISYKAT: *Jurnal Ilmu-ilmu Al-Quran, Hadist, Syari'ah dan Tarbiyah*, 1(2), 139.

²⁰ Ihsan, A. G. (2018). Pengembangan Ilmu Ushul Al Fiqh. *Al-Ahkam: Jurnal Ilmu Syari'ah dan Hukum*, 2(2), 105-121; Rusli, R. (2013). Pedagogi Usul Al Fiqh Berbasis Pendidikan Perdamaian Di Era Multikultural. *ULUL ALBAB Jurnal Studi Islam*, 12(2), 139-156.

²¹ Thabranji, A. M. (2013). Pengembangan Fiqh al-'Ilmiyah Melalui Pendekatan Mashlahah dan Tajdid. *AL-IHKAM: Jurnal Hukum & Pranata Sosial*, 6(2), 184-200.

²² Sapiudin, S., Nata, A., & Syihab, U. (2016). Model Pembelajaran Ilmu Ushûl Fiqh di Jurusan Pendidikan Agama Islam (Analisis Penerapan Model Pembelajaran Konvensional dan Pembelajaran Berbasis Masalah). *TA'DIBUNA*, 5(1), 60-83.

²³ Rusli, R. (2013). Pedagogi Usul Al Fiqh Berbasis Pendidikan Perdamaian Di Era Multikultural. *ULUL ALBAB Jurnal Studi Islam*, 12(2), 139-156.

²⁴ Sapiudin, S. (2014). Pembelajaran ushul Fikih Berbasis Masalah. *AHKAM: Jurnal Ilmu Syariah*, 14(2).

²⁵ Jannah, R. (2019). Internalisasi Paradigma Ushul Fiqh Melalui Pembelajaran Inovatif. Paper presented at the Seminar Nasional Pendidikan 2015.

menjelaskan konten yang diajarkan dalam pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia, didapati pengajar telah menggunakan pendekatan secara kognitif melalui ceramah namun juga menggunakan pendekatan deduktif dimana pelajar lebih banyak mendengar dan mencatat bukan menganalisa.²⁶ Selain itu penggunaan bentuk dan model pengajaran turut mempengaruhi kefahaman murid berkaitan penggunaan ilmu usul fiqh.²⁷

KESIMPULAN

Inovasi pengajaran ilmu usul fiqh berperanan memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan seterusnya mampu meningkatkan penguasaan dan penggunaan ilmu usul fiqh dalam memastikan undang-undang Islam serta seluruh ajarannya relevan dengan perkembangan zaman²⁸. Kelemahan inovasi dalam pengajaran kepada pelajar-pelajar di peringkat universiti secara tidak langsung memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta pengaplikasian usul fiqh yang kurang berkesan²⁹. Daripada analisis yang telah dijalankan, didapati konten pengajaran usul fiqh masih lagi menggunakan contoh-contoh lama dalam pengajaran. Selain itu, pengkaji lepas banyak memberikan tumpuan kepada keperluan pembaharuan ilmu usul fiqh sahaja. Kajian yang dijalankan berkaitan dengan pemboleh-pemboleh ubah dengan inovasi pembelajaran usul fiqh didapati sekedar menjelaskan sama ada terdapat kaitan rapat ataupun tidak dengan pemboleh-pemboleh ubah tersebut. Tidak terdapat sebarang kajian yang menjelaskan pengaruh

²⁶ Anwar, M. Z. (2016). Pengkajian Ushul Fiqh Bagi Pemula di PTKI: Tantangan, Refleksi dan Evaluasi. *Empirisma: Jurnal Pemikiran Dan Kebudayaan Islam*, 25(2).

²⁷ Khoiri, N. (2017). The Mapping of Renewal of 'Usul Fiqh'Thoughts In Indonesia. *International Journal on Language, Research and Education Studies*, 1(1), 18-33.

²⁸ Goos, M. (2013). Knowledge for teaching secondary school mathematics: what counts? *International Journal of Mathematical Education in Science and Technology*, 44(7), 972-983; Zarkasyi, A. F. (2013). Tajdid dan Modernisasi Pemikiran Islam. *TSAQAFAH*, 9(2), 395-418.

²⁹ Arifin, S. (2019). Model Pembelajaran Ushul Fiqih Berdimensi Soft Skils. *Jurnal Tatsqif*, 17(2), 11-29; Hussin, N. (2017). Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(2).

pemboleh-pemboleh ubah tersebut ke atas prestasi pelajar dan terhadap penguasaan pengajar usul fiqh.

Justeru, dicadangkan kajian pada masa hadapan dapat memberi fokus pada membandingkan dan menguji pemboleh-pemboleh ubah kognitif yang mengubah perilaku pembelajaran dan pengajaran inovatif usul fiqh dalam konteks penguasaan ilmu fiqh di Indonesia. Secara keseluruhan, kajian telah menghasilkan pengetahuan baru berkaitan inovasi pengajaran ilmu usul fiqh di Indonesia.

ACKNOWLEDGMENT

This research has been carried out under Research Fund E15501, Research Management Centre, University Tun Hussein Onn Malaysia.

Daftar Pustaka

- Abdul Karim, M. A. (2013). Pola Pemikiran Imam Syaf'i dalam Menetapkan Hukum Islam. *Jurnal Adabiyah* Vol. XIII nomor, 187. <http://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/adabiyah/article/view/269>
- Aminudin, S. (2018). Standarisasi Kurikulum Ushul Fiqh. *MISYKAT: Jurnal Ilmu-ilmu Al-Quran, Hadist, Syari'ah dan Tarbiyah*, 1(2), 139. <http://dx.doi.org/10.33511/misykat.v1n2.139>
- Anwar, M. Z. (2016). Pengkajian Ushul Fiqh Bagi Pemula di PTKI: Tantangan, Refleksi dan Evaluasi. *EMPIRISMA: JURNAL PEMIKIRAN DAN KEBUDAYAAN ISLAM*, 25(2). <https://doi.org/10.30762/empirisma.v25i2.180>
- Arifin, S. (2019). Model Pembelajaran Ushul Fiqih Berdimensi Soft Skils. *Jurnal Tatsqif*, 17(2), 11-29. <https://doi.org/10.20414/jtq.v17i2.974>
- Baumert, J., Kunter, M., Blum, W., Brunner, M., Voss, T., Jordan, A., . . . Tsai, Y.-M. (2010). Teachers' mathematical knowledge, cognitive activation in the classroom, and student progress. *American educational research journal*, 47(1), 133-180. <https://doi.org/10.3102/0002831209345157>
- Dahlan, M. (2012). Paradigma usul fikih multikultural di Indonesia. *Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*, 12(1), 1-19. <https://doi.org/10.18326/ijtihad.v12i1.1-19>
- Depaepe, M. (2012). *Between educationalization and appropriation: Selected writings on the history of modern educational systems*: Leuven University Press.
- Fung, D., Kutnick, P., Mok, I., Leung, F., Lee, B. P.-Y., Mai, Y. Y., & Tyler, M. T. (2017). Relationships between teachers' background, their subject knowledge and pedagogic efficacy, and pupil achievement in primary school mathematics in

- Hong Kong: An indicative study. *International Journal of Educational Research*, 81, 119-130. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2016.11.003>
- Goos, M. (2013). Knowledge for teaching secondary school mathematics: what counts? *International Journal of Mathematical Education in Science and Technology*, 44(7), 972-983. <https://doi.org/10.1080/0020739X.2013.826387>
- Gudmundsdottir, S., & Shulman, L. (1987). Pedagogical content knowledge in social studies. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 31(2), 59-70. <https://doi.org/10.1080/0031383870310201>
- Hussin, N. (2017). Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(2). <https://ojie.um.edu.my/article/view/5534>
- Ihsan, A. G. (2018). Pengembangan Ilmu Ushul Al Fiqh. *Al-Ahkam: Jurnal Ilmu Syari'ah dan Hukum*, 2(2), 105-121. <http://dx.doi.org/10.22515/al-ahkam.v2i2.1069>
- Ilyas, H. H., & Ag, M. (2018). *Fikih Akbar: Prinsip-Prinsip Teologis Islam Rahmatan Lil 'Alamin*: Pustaka Alvabet.
- Jannah, R. (2019). *Internalisasi Paradigma Ushul Fiqh Melalui Pembelajaran Inovatif*. Paper presented at the Seminar Nasional Pendidikan 2015. <http://seminar.umpo.ac.id/index.php/semnasdik2015/article/viewFile/223/224>.
- Johari, K., Ismail, Z., Osman, S., & Othman, A. T. (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah (The Influence of Teacher Training and Teaching Experience on Secondary School Teacher Efficacy). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 34(2), 3-14. <http://pkukmweb.ukm.my/~jurpend/index.html>
- Khoiri, N. (2017). The Mapping Of Renewal Of 'Usul Fiqh'Thoughts In Indonesia. *International Journal on Language, Research and Education Studies*, 1(1), 18-33. <http://jurnal.uinsu.ac.id/index.php/ijlres/article/view/939>
- Kilpatrick, J., Swafford, J., & Findel, G. (2001). Teaching for mathematical proficiency. *Adding it up: Helping children learn mathematics*, 313-368. DOI 10.17226/9822
- Kunter, M., Klusmann, U., Baumert, J., Richter, D., Voss, T., & Hachfeld, A. (2013). Professional competence of teachers: Effects on instructional quality and student development. *Journal of Educational Psychology*, 105(3), 805. DOI: 10.1037/a0032583
- Luetz, J. M., Margus, R., & Prickett, B. (2019). Human Behavior Change for Sustainable Development: Perspectives Informed by Psychology and Neuroscience. In W. Leal Filho, A. M. Azul, L. Brandli, P. G. Özuyar, & T. Wall (Eds.), *Quality Education* (pp. 1-16). Cham: Springer International Publishing.
- Nugroho, A. (2005). Fikih Kiri: Revitalisasi Usul al-Fiqh untuk Revolusi Sosial. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 43(2), 425-454. <https://doi.org/10.14421/ajis.2005.432.425-454>

- Qutb, S. M. (1992). *Petunjuk Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.
- Rusli, R. (2013). Pedagogi Usul Al Fiqh Berbasis Pendidikan Perdamaian Di Era Multikultural. *ULUL ALBAB Jurnal Studi Islam*, 12(2), 139-156. <http://dx.doi.org/10.18860/ua.v0i0.2387>
- Salamah, U. (2017). Teori Pengetahuan Hukum Dalam Ushul Fikih (Kajian Teori Hukum Alam). *QISTIE*, 10(2). <http://dx.doi.org/10.31942/jqi.v10i2.2075>
- Sapiudin, S. (2014). Pembelajaran ushul Fikih Berbasis Masalah. *AHKAM: Jurnal Ilmu Syariah*, 14(2). DOI: [10.15408/ajis.v14i2.1288](https://doi.org/10.15408/ajis.v14i2.1288)
- Sapiudin, S., Nata, A., & Syihab, U. (2016). Model Pembelajaran Ilmu Ushûl Fiqh di Jurusan Pendidikan Agama Islam (Analisis Penerapan Model Pembelajaran Konvensional dan Pembelajaran Berbasis Masalah). *TA'DIBUNA*, 5(1), 60-83. <http://dx.doi.org/10.32832/tadibuna.v5i1.571>
- Segall, A. (2004). Revisiting pedagogical content knowledge: the pedagogy of content/the content of pedagogy. *Teaching and teacher education*, 20(5), 489-504. DOI: [10.1016/j.tate.2004.04.006](https://doi.org/10.1016/j.tate.2004.04.006)
- Suartama, I. K. (2010). Pengembangan multimedia untuk meningkatkan kualitas pembelajaran pada mata kuliah media pembelajaran. *Jurnal Pendidikan dan Pengajaran*, 43(3). <http://dx.doi.org/10.23887/ippundiksha.v43i3.130>
- Thabrani, A. M. (2013). Pengembangan Fiqh al-'Ilmiyah Melalui Pendekatan Mashlahah dan Tajdid. *AL-IHKAM: Jurnal Hukum & Pranata Sosial*, 6(2), 184-200. ejournal.stainpamekasan.ac.id
- Webster, J., & Watson, R. T. (2002). Analyzing the past to prepare for the future: Writing a literature review. *MIS quarterly*, xiii-xxiii. DOI: [10.2307/4132319](https://doi.org/10.2307/4132319)
- Zarkasyi, A. F. (2013). Tajdid dan Modernisasi Pemikiran Islam. *TSAQAFAH*, 9(2), 395-418. <http://dx.doi.org/10.21111/tsaqafah.v9i2.59>
- Zimmerman, R. D., Murillo-Sánchez, C. E., & Thomas, R. J. (2010). MATPOWER: Steady-state operations, planning, and analysis tools for power systems research and education. *IEEE Transactions on power systems*, 26(1), 12-19. DOI: 10.1109/TPWRS.2010.2051168